



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 1. Sept 2024: 170-193

Submission date: 02/08/2024 Accepted date: 06/08/2024 Published date: 01/09/2024

**Analisis Konsep Tuhan dan Agama Menurut Perspektif
Stephen Hawking (1942-2018) dalam Bukunya *Brief
Answers to the Big Questions*
(*An Analysis of the Concept of God and Religion in the
Perspective of Stephen Hawking (1942-2018) in His Book
'Brief Answers to the Big Questions'*)**

Mastura Abd Wahab^{a*} & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali^b

^a Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

^b Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: masturawahab02@yahoo.com

Abstrak

Metafizik adalah perbincangan falsafah tentang hakikat segala sesuatu atau perkara yang di luar alam fizik. Topik berkaitan Tuhan dan agama didiskusikan dalam ilmu metafizik yang menggunakan keupayaan logik dalam menjawab setiap persoalannya. Pada 2018, buku bertajuk *Brief Answers to the Big Questions* telah diterbitkan oleh Stephen Hawking pada tahun 2018. Beliau seorang ahli falsafah fizik, kosmologi, dan matematik yang terkenal di Universiti Cambridge. Dalam buku tersebut, beliau menunjukkan pandangannya tentang ketidakwujudan Tuhan, alam semesta tidak diciptakan oleh Tuhan, nasib manusia tidak ditentukan oleh Tuhan, tidak ada kehidupan selepas mati, dan tidak ada syurga dan neraka. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan konsep Tuhan dan agama oleh Hawking dalam bukunya *Brief Answers to the Big Questions* dan menganalisisnya dalam pandangan Islam. Melalui penggunaan kaedah analisis kandungan tentang konsep Tuhan dan agama dalam bab pertama 'Adakah Tuhan?', didapati Hawking menggunakan logik dan spekulasinya untuk menyangkal kewujudan Tuhan, kekuasaan Tuhan dalam penciptaan, serta kuasa Tuhan di atas setiap kejadian dan perjalanan alam. Konsep agama pula dianggap sebagai ideologi yang dianut oleh orang yang tidak

memahami sains dan jahil tentang kedudukan tertinggi sains dalam menjelaskan segala fenomena yang berlaku di alam ini. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Hawking adalah seorang ateis, yang percaya kepada naturalisme saintifik. Beliau hanya memilih bukti empirikal dan rasional yang berkaitan dengan agama dan Tuhan, sedangkan Islam mengajarkan integrasi ilmu *Naqli* dan *Aqli* sebagai ajaran epistemologinya.

Kata Kunci: konsep Tuhan; konsep agama; falsafah Islam; Stephen Hawking; *Brief Answers to the Big Questions*.

Abstract

Metaphysics is a philosophical discussion about the nature of everything or matters beyond the physical realm. Topics related to God and religion are discussed in metaphysics, using logical reasoning to answer each question. In 2018, a book titled *Brief Answers to the Big Questions* was published by Stephen Hawking. He was a renowned philosopher of physics, cosmology, and mathematics at the University of Cambridge. In the book, he presents his views on the non-existence of God, the universe not being created by God, human destiny not being determined by God, no life after death, and no heaven and hell. This article aims to explain Hawking's concepts of God and religion in his book *Brief Answers to the Big Questions* and analyze them from an Islamic perspective. Using content analysis on the concepts of God and religion in the first chapter 'Is There a God?', it was found that Hawking uses logic and speculation to deny the existence of God, God's power in creation, and God's authority over every event and process in the universe. The concept of religion is also seen as an ideology followed by those who do not understand science and are ignorant of the supreme status of science in explaining all phenomena in the universe. Therefore, it can be said that Hawking was an atheist, who believed in scientific naturalism. He only selected empirical and rational evidence related to religion and God, whereas Islam teaches the integration of *Naqli* (revealed) and *Aqli* (rational) knowledge as its epistemological doctrine.

Keywords: concept of God; concept of religion; Islamic philosophy; Stephen Hawking; *Brief Answers to the Big Question*.

Pengenalan

Pada zaman moden dan kecanggihan teknologi maklumat ini, telah muncul pelbagai konsep dan pemikiran baru berkenaan manusia, Tuhan dan alam. Untuk memahami konsep dan pemikiran baru ini, pelbagai siri penelitian dan perbincangan yang mendalam yang diperlukan bagi menjelaskan segala terminologi dan kerangka berfikir yang berbeza. Melalui bidang falsafahlah manusia mencari jawapan bagi memahami segala persoalan tentang konsep dan pemikiran yang berbeza-beza. Bidang falsafah merupakan suatu bidang ilmu yang mengkaji dan membahaskan tentang hakikat atau kebenaran segala sesuatu.

Antara topik utama yang dibincangkan dalam bidang falsafah adalah epistemologi, etika, estetika dan metafizik. Ilmu metafizik adalah ilmu yang membincangkan mengenai perkara yang melangkaui alam fizik. Dalam definisi Aristotle, ilmu metafizik adalah *the study of the first principles and causes of the things*, yang membahaskan mengenai hakikat di sebalik sesuatu benda atau perkara. Oleh yang demikian, tajuk-tajuk berkaitan dengan tuhan dan agama ada dibincangkan dalam disiplin ilmu metafizik, yang merupakan salah satu cabang utama dalam ilmu falsafah (Randall, 1946; Abdul Latif Samian 1997; Shahrir Mohamad Zain 2000; Ahmad Sunawari Long, 2006).

Permasalahan Kajian

Pada tahun 2018, sebuah buku telah diterbitkan berjudul *Brief Answers to the Big Questions* yang telah ditulis oleh Stephen Hawking (1942-2018) (selepas ini akan dikenali sebagai Hawking). Hawking adalah seorang ahli falsafah fizik, matematik dan kosmologi yang terkenal dari Universiti Cambridge, England. Buku *Brief Answers to the Big Questions* ini membahaskan tentang beberapa topik yang berkaitan dengan persoalan metafizik. Antaranya adalah soalan mengenai kewujudan tuhan, kejadian alam semesta, kewujudan makhluk-makhluk lain di alam semesta, gambaran masa hadapan, hakikat masa, dan banyak lagi (Hawking, 2018).

Oleh itu, dalam meneruskan perbincangan ini, artikel ini akan menumpukan kajian tentang konsep tuhan dan agama menurut Hawking dalam bukunya, *Brief Answers to the Big Questions*. Dalam bukunya ini,

Hawking berpendapat bahawa Tuhan itu tidak wujud. Tambahan pula, beliau juga berkata bahawa tiada sesuatu pun yang menciptakan alam semesta ini dan menentukan takdir kehidupan manusia. Bagi Hawking juga, kehidupan selepas mati adalah tidak wujud, begitu juga tiadanya konsep syurga dan neraka. Selepas mati, manusia akan bertukar menjadi debu dan tiada lagi di atas muka bumi. Buktinya, pada halaman 38, Hawking mengatakan bahawa:

“Do I have faith? We are each free to believe what we want, and it’s my view that the simplest explanation is that there is no God. No one created the universe, and no one directs our fate. This leads me to a profound realization; there is probably no heaven and afterlife either. I think belief in an afterlife is just wishful thinking. There is no reliable evidence for it, and it flies in the face of everything we know in science. I think that when we die, we return to dust”.

Maksudnya: “Adakah saya beriman (dengan kepercayaan agama)? Setiap seorang dari kita bebas mempercayai apa yang kita mahukan, dan pada pendapat saya, penerangan yang paling mudah adalah tidak ada Tuhan. Tiada sesiapa pun yang telah mencipta alam semesta dan tiada seorang pun yang menentukan takdir kita. Hal ini menunjukkan saya kepada mendalami hakikat bahawa tiada syurga dan kehidupan selepas kematian. Saya fikir kepercayaan terhadap kehidupan akhirat adalah angan-angan sahaja. Tiada bukti yang boleh dipercayai untuknya, dan perkara ini tertolak dengan apa sahaja bukti yang kita tahu dalam sains. Saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu” (Hawking, 2018).

Seperti mana yang diketahui ramai, Hawking adalah seorang saintis yang sangat tersohor di seluruh dunia. Beliau telah mengasaskan pelbagai teori berkenaan kajian fizik dan kosmologi. Dalam laman sesawang rasminya: hawking.org.uk, beliau telah menyenaraikan lebih dua ratus penerbitan dan ratusan syarahan ilmiah di serata dunia. Tidak dinafikan yang beliau mempunyai pengikut dan peminat di seluruh dunia, termasuklah daripada kalangan saintis, pemikir, ahli falsafah, agamawan, dan orang awam. Maka pandangan beliau berkenaan ketuhanan dan keagamaan juga berkemungkinan diikuti dan diimani oleh ramai pengikutnya, termasuklah

dalam kalangan masyarakat Muslim, seperti orang awam, saintis, pemikir, dan ahli falsafah.

Oleh itu, artikel ini menghuraikan konsep tuhan dan agama dalam perspektif Hawking melalui bab satunya yang bertajuk: *Is There a God?* Kemudiannya, konsep Hawking ini dirujuk juga kepada penulisan-penulisan beliau yang lain seperti *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005) dan *A Brief History of Time* (1989) sebagai huraian dan rujukan sokongan kepada konsepnya ini. Akhir sekali, artikel ini akan menganalisis dan menilai konsep Hawking ini daripada perspektif Islam melalui justifikasi-justifikasi daripada ayat-ayat Quran, hadis-hadis Rasulullah SAW dan pandangan para ulama serta ahli falsafah Islam yang muktabar.

Sorotan Literatur

1. Biografi Ringkas Stephen Hawking

Stephen William Hawking dilahirkan pada 8 Januari 1942 di Oxford, England (Kenny, 2015; Hawking, 2013). Dengan mendapat biasiswa di Universiti Oxford, Hawking telah melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam pengajian sains tabii (*natural sciences*) pada tahun 1960. Setelah bergraduasi dari Universiti Oxford dengan kelulusan kelas pertama pada tahun 1962, Hawking bekerja di Universiti Cambridge dalam bidang yang diminatinya iaitu bidang teori fizik dan kosmologi. Hawking juga pernah bekerja dengan seorang ahli astronomi yang sangat terkenal di United Kingdom, iaitu Fred Hoyle (1915-2001). Namun, disebabkan terdapat ramai pelajar di bawah seliaan Hoyle, Hawking telah diselia oleh Dennis Sciama (1926-1999), seorang saintis yang tidak begitu terkenal seperti Hoyle. Hawking juga sering berlainan pandangan dan idea dengan Sciama. Disebabkan ketidaksefahaman pandangan Hawking terhadap Prinsip Mach oleh Sciama, beliau memulakan penyelidikan dan teorinya yang baru dalam bidang teori-teori fizik dan kosmologi yang lain (Hawking 2001, 2013, 2015, 2018; Coles 2000; Kenny 2015).

Hawking telah memperkenalkan pelbagai teori baharu sepanjang kariernya, yang diilhamkan daripada teori graviti oleh Isaac Newton (1643-1727), serta teori kenisbian am dan teori Letupan Besar oleh Albert

Einstein (1879-1955). Teori-teori baharu yang muncul daripada kajiannya termasuklah teori sinaran Hawking atau *Hawking Radiation*, teori masa di ruang angkasa, dan teori Lubang Hitam atau *Black Hole* (Coles 2000; Kenny 2015; Hawking 2001, 2013, 2015, 2018). Dalam usaha memahami dan menyelidik alam semesta, Hawking juga mengkaji tentang asal usul kejadian alam, sama ada ia terjadi secara semula jadi atau kerana adanya pencipta atau Tuhan. Oleh sebab itu, Hawking dikenali dengan gelaran penemu Teori Segala Sesuatu atau *The Theory of Everything* (Hawking, 2018).

Hawking bukan sahaja banyak bersyarah sepanjang kariernya, beliau juga banyak menulis dan meninggalkan pelbagai buku dan artikel penting dalam bidang kosmologi. Antara karya utama beliau adalah *The Large Scale Structure of Space-Time* (1973), *A Brief History of Time* (1989), *Black Holes and Baby Universes* (1933), *The Nature of Space and Time* (1996), *The Universe In A Nutshell* (2001), *On Shoulders of Giants* (2002), *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005), *A Brief History of Time* (2005), *God Created the Integers* (2005), *George's Secret Key to The Universe* (2007), *The Grand Design* (2010), *My Brief History* (2013) dan akhir sekali adalah *Brief Answers to the Big Questions* (2018). Oleh kerana penyakit *amyotrophic lateral sclerosis* (ALS) yang dihidapinya, Hawking telah meninggal dunia pada tanggal 14 Mac 2018.

2. Pengenalan Ringkas Buku *Brief Answers to the Big Questions*

Brief Answers to the Big Questions adalah sebuah karya yang membahas tentang disiplin fizik dan metafizik. Buku ini, yang diterbitkan oleh John Murray di Great Britain pada tahun 2018 sebelum kematian Hawking, mengandungi 232 halaman. Terdapat sebelas subtopik dalam buku ini yang berkaitan dengan soalan-soalan besar dalam kehidupan manusia, yang menguraikan topik-topik tentang metafizik, kosmologi, astronomi, dan kajian masa hadapan. Antara topik yang dibincangkan dalam buku *Brief Answers to The Big Question* adalah seperti berikut:

1. *Why we must ask the big questions?* (Mengapa kita mesti bertanya mengenai persoalan-persoalan besar?), halaman 1 – 22;
2. *Is there a God?* (adakah tuhan wujud?), halaman 23 – 38;

3. *How did it all begin?* (bagaimana semuanya bermula?), halaman 39 – 64;
4. *Is there other intelligent life in the universe?* (apakah ada kehidupan bijak yang lain dalam alam ini?), halaman 65 – 86;
5. *Can we predict the future?* (bolehkah kita meramal masa hadapan?), halaman 87 – 98;
6. *What is inside a black hole?* (apakah yang wujud dalam lubang hitam?), halaman 99 – 122;
7. *Is time travel possible?* (adakah pengembaraan merentas masa sesuatu yang mustahil?), halaman 123 -142;
8. *Will we survive on Earth?* (bolehkah kita manusia terus hidup atas muka bumi ini?), halaman 143 – 162;
9. *Should we colonise space?* (perluakah kita menjajah angkasa lepas?), halaman 163 – 180;
10. *Will artificial intelligence outsmart us?* (Adakah kepintaran buatan akan mengatasi kepintaran kita?), halaman 181 -196; dan
11. *How do we shape the future?* (Bagaimanakah kita membentuk masa hadapan?), halaman 197 – 212.

Melalui pembacaan dan analisis terhadap kandungan karya ini, artikel ini memfokuskan pada perbahasan yang Hawking kemukakan dalam bab pertamanya, iaitu *Is there a God?* (adakah Tuhan wujud?), sebagai fokus analisis. Artikel ini meneliti dan menganalisis huraian Hawking mengenai konsep Tuhan dan agama, yang beliau kaitkan dengan perbahasan ilmu metafizik dan kosmologi alam. Lebih khusus lagi, pemikiran dan perspektif saintifik Hawking mengenai isu-isu berkaitan Tuhan dan agama dibincangkan dalam bab pertama dalam buku ini.

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan dalam artikel ini adalah kajian analisis kandungan teks *Brief Answers to the Big Questions* (2018) berkaitan konsep Tuhan dan agama yang diutarakan oleh Hawking dalam bab pertama, '*Is there a God*'. Selain itu, kajian ini juga membuat rujukan silang berkenaan konsep Tuhan dan agama yang telah ditemui dalam buku *Brief Answers to the Big Questions* (2018) kepada dua buah buku Hawking yang awal iaitu *A Brief History of Time* (1989) dan *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005). Buku-buku dan

artikel-artikel jurnal yang berkaitan dengan konsep Tuhan dan agama dalam Islam serta biografi Hawking juga dirujuk sebagai rujukan tambahan.

Hasil Kajian

Pandangan Berkaitan Konsep Tuhan oleh Hawking dalam *Brief Answers to the Big Questions*

Dalam bab satu karya *Brief Answers to the Big Questions* yang bertajuk *Is there a God?* atau adakah Tuhan wujud?, Hawking menjelaskan bahawa manusia sering merenungkan beberapa persoalan besar. Contohnya, mengapa manusia dihidupkan di dunia? Dari manakah asal-usul manusia? Bagaimanakah pengakhiran manusia? Berdasarkan persoalan-persoalan ini, Hawking telah menjelaskan konsepnya sendiri mengenai Tuhan dan agama. Melalui kajian kualitatif menggunakan metode analisis teks dalam karya tersebut, lima poin utama telah dirumuskan yang menggambarkan pandangan Hawking tentang Tuhan. Lima poin utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Tuhan Tidak Berperanan dalam Proses Pembentukan Alam

Dalam muka surat 28, perenggan kedua telah dinyatakan Hawking: *“If you accept, as I do, that the laws of nature are fixed, then it doesn’t take long to ask: what role is there for God? This is a big part of the contradiction between science and religion”* (Hawking, 2018). Maksudnya: “Sekiranya anda menerima, seperti saya, bahawa hukum alam sudah tetap, maka tidak perlu lama untuk bertanya: apa peranan yang ada bagi Tuhan? Ini adalah sebahagian besar percanggahan antara sains dan agama.” Pernyataan Hawking ini menunjukkan bahawa beliau lebih mempercayai undang-undang alam semula jadi iaitu yang dapat dicerap dan ditadabbur secara empirikal dan saintifik. Baginya Tuhan tidak mempunyai apa-apa peranan dalam hukum alam ini, terutamanya dalam pengawalan kejadian alam semesta. Bagi Hawking, undang-undang dan hukum alam yang telah dibuktikan secara saintifik membuktikan bahawa tuhan tidak wujud kerana tidak menunjukkan kekuasaan tuhan.

Terdahulu, Hawking juga telah menyatakan perspektif yang sama dalam bukunya *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005), perenggan akhir pada dan muka surat 131 hingga 132: “*If one liked, one could ascribe this randomness to the intervention of God. But it would be a very strange kind of intervention. There is no evidence that it is directed toward any purpose. Indeed, if it were, it wouldn't be random*” (Hawking, 2005). Maksudnya: “Sekiranya seseorang itu menyukainya, beliau boleh menerangkan secara rawak bahawa ini adalah campur tangan Tuhan. Tetapi ini adalah satu campur tangan yang pelik. Tiada bukti bahawa ia diarahkan bagi tujuan apa pun. Sememangnya, jika ia betul, ia tidak akan menjadi secara rawak”.

Bukti ini jelas menunjukkan Hawking berpendapat bahawa sesiapa pun boleh sesuka hatinya mengatakan Tuhan mencipta alam semesta. Namun, tiada bukti yang kukuh terhadap campur tangan Tuhan dalam penciptaan dan pengawalan alam ini. Sekiranya benar Tuhan mencampuri urusan penciptaan alam, alam ini tidak akan terjadi secara sendiri atau semula jadi. Malah perspektif yang serupa ini juga boleh dilihat dalam serta buku *A Brief History of Time* (1989) pada muka surat 90, perenggan kelima.

2. Hukum Alam Tidak Boleh Dilanggar dan Kuasa Tuhan Terbatas

Perkara ini dibuktikan dalam muka surat 29, perenggan kedua: “*The laws of science determine the evolution of the universe, given its state at one time. These laws may, or may not, have been decreed by God, but he cannot intervene to break the laws, or they would not be laws. That leaves God with the freedom to choose the initial state of the universe, but even here it seems there may be laws. So God would have no freedom at all*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “Hukum-hukum sains menentukan evolusi alam semesta, mengingat keadaannya pada satu masa. Hukum-hukum ini mungkin ya, atau mungkin tidak, telah ditentukan oleh Tuhan, tetapi dia tidak dapat membuat campur tangan untuk melanggar hukum, atau perkara ini tidak akan menjadi undang-undang. Ini membiarkan Tuhan bebas untuk memilih keadaan awal alam semesta, tetapi, walaupun begitu, masih wujud lagi undang-undang ini. Jadi Tuhan sama sekali tidak akan mempunyai kebebasan”.

Bukti yang sama juga terdapat dalam bukunya yang lain yaitu *A Brief History of Time* (1989) pada muka surat 63: “*Science seems to have uncovered a set of laws that, within the limits set by the uncertainty principle, tell us how the universe will develop with time, if we know its state at any one time. These laws may have originally been decreed by God, but it appears that he has since left the universe to evolve according to them and does not now intervene in it*” (Hawking, 1989). Maksudnya: “Sains nampaknya telah menemukan satu set undang-undang yang mempunyai had yang ditetapkan oleh prinsip ketidakpastian, memberitahu kita bagaimana alam semesta akan berkembang seiring dengan waktu, jika kita mengetahui keadaannya pada satu-satu masa. Undang-undang ini pada asalnya telah ditentukan oleh Tuhan, tetapi nampaknya sejak itu dia meninggalkan alam semesta untuk berkembang sesuai dengan kejadiannya dan sekarang Tuhan tidak campur tangan di dalamnya (urusan pentadbiran alam)”.

Kedua-dua pernyataan Hawking ini menunjukkan bahawa hukum sains yang menyebabkan berlakunya evolusi terhadap alam semesta, dari semasa ke semasa. Walaupun penganut agama berpandangan bahawa Tuhan bebas menentukan setiap kejadian alam pada awalnya, bagi Hawking, Tuhan tidak bebas dalam menentukan hukum, melanggar hukum atau mengubah undang-undang atau hukum alam yang terjadi secara saintifik dan semula jadi. Jika Tuhan melanggar hukum-hukum atau undang-undang alam ini, maka tidak wujud lagi keabsahan hukum-hukum saintifik berkenaan kejadian-kejadian alam.

Hawking juga telah menyatakan perkara yang sama dalam buku-bukunya *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005) pada muka surat 12, perenggan akhir, baris 12 dan 13 serta *A Brief History of Time* pada muka surat 5, perenggan kedua: “*An expanding universe does not preclude a creator, but it does place limits on when He might have carried out his job*” (Hawking, 1989 & 2005). Maksudnya: “Alam semesta tidak menghalang pencipta-Nya, tetapi ia menetapkan batasan waktu bagi pencipta menjalankan pekerjaan-Nya.” Pernyataan Hawking ini menunjukkan bahawa undang-undang alam tidak menghalang tuhan sebagai pencipta. Namun, undang-undang alam menentukan had waktu bagi Tuhan dalam menjalankan tugas-Nya di alam semesta ini.

Seterusnya, dalam buku *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005) pada muka surat 102 serta buku *A Brief History of Time* dalam muka surat 71, perenggan terakhir: “*God allows the universe to evolve according to a set of laws. He does not seem to intervene in the universe to break these laws*” (Hawking, 1989 & 2005). Maksudnya: “Tuhan membenarkan alam semesta berkembang mengikut set undang-undang. Dia sepertinya tidak membuat campur tangan di alam semesta untuk melanggar undang-undang ini”. Pernyataan ini juga menunjukkan bahawa Hawking berpendapat Tuhan membiarkan alam semesta berkembang mengikut set undang-undang alam secara semula jadi tanpa mencampuri apa-apa urusan tersebut.

3. Alam Tidak Dicipta oleh Tuhan

Hal ini jelas tertulis pada muka surat 33 iaitu: “*So what does this mean in our quest to find out if there is a God? It means that in the universe adds up to nothing, then you don’t need a God to create it*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “jadi apa maksudnya dalam usaha kita untuk mengetahui apakah ada Tuhan? Ini bermaksud bahawa di alam semesta tidak menambah apa-apa, maka anda tidak memerlukan Tuhan untuk menciptakannya.” Perkara ini sebenarnya adalah penegasan kepada hujah kedua Hawking tadi di mana alam ini mempunyai hukum dan undang-undangnya tersendiri yang tidak memerlukan tuhan untuk mengawal dan menyeliannya. Dalam perspektif saintifik Hawking, kawalan tuhan kepada alam ini merupakan pelanggaran kepada hukum dan undang-undang alam.

Hawking juga menyatakan perkara yang sama dalam buku-bukunya yang lain iaitu pada muka surat 102 iaitu: “*But if the universe is really completely self-contained, having no boundary or edge, it would be neither created nor destroyed. It would simply be. What place, then, for a creator?*” (Hawking, 1989 & 2005). Maksudnya: “Tetapi sekiranya alam semesta ini adalah sesuatu yang berdiri sendiri, tiada batasan atau kelebihan, ia tidak akan dicipta atau dimusnahkan. Ia hanya sesuatu yang terjadi dengan begitu sahaja. Apakah ada tempat untuk pencipta (dalam hal ini)?”. Pertanyaan ini jelas menyatakan bahawa tiada tempat untuk Tuhan sebagai pencipta kerana alam semesta ini terjadi secara semula jadi, tiada had mahupun penghujung serta ia tidak akan boleh diciptakan mahupun dimusnahkan disebabkan oleh hukum sains tabii.

4. Masa Masih Belum Wujud Sebelum Berlakunya Letusan Besar

Pada muka surat 38, Hawking mengatakan bahawa: *“When people ask me if a God created the universe, I will tell them that the question itself makes no sense. Time didn’t exist before the Big Bang so there is no time for God to make the universe in”* (Hawking, 2018). Maksudnya: Apabila orang bertanya kepada saya apakah Tuhan menciptakan alam semesta, saya akan memberitahu mereka bahawa persoalan itu sendiri tidak masuk akal. Masa tidak ada sebelum Letusan Besar jadi tidak ada masa untuk Tuhan menjadikan alam semesta.” Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan Hawking berpendapat bahawa alam ini tidak memerlukan Tuhan untuk menciptanya. Alam ini terjadi secara semula jadi mengikut hukum atau undang-undang sains. Beliau menggunakan teori Letusan Besar (Big Bang) bagi menjelaskan teori masa dan kewujudan alam semesta. Dalam pemikiran saintifik Hawking, tuhan adalah terikat dengan konsep masa dan ruang. Maka kewujudan alam ini daripada teori letusan besar menatijahkan bahawa tuhan tidak wujud sebelum berlakunya Letusan Besar ini. Oleh itu, alam ini tercipta oleh Letusan Besar, bukannya tuhan yang menciptakannya.

5. Tuhan Tidak Wujud dan Tidak Menciptakan Alam Semesta

Beberapa hal ehwal agama yang ditolak oleh Hawking, antaranya ialah: Tuhan tidak menentukan takdir manusia. Syurga dan neraka juga tidak wujud. Kehidupan selepas mati adalah suatu angan-angan. Sains yang menolak semua hujah mengenai kewujudan tuhan dan aspek-aspek agama ini.

Hawking menjelaskan kesemuanya ini, selepas menjelaskan 4 hujah awalnya mengenai konsep tuhan dan agama, pada muka surat 38 dalam bab satu ini seperti berikut: *“Do I have faith? We are each free to believe what we want, and it’s my view that the simplest explanation is that there is no God. No one created the universe, and no one directs our fate. This leads me to a profound realization; there is probably no heaven and afterlife either. I think belief in an afterlife is just wishful thinking. There is no reliable evidence for it, and it flies in the face of everything we know in science. I think that when we die, we return to dust”*. Maksudnya: “Adakah saya beriman (dengan kepercayaan agama)? Setiap seorang dari

kita bebas mempercayai apa yang kita mahukan, dan pada pendapat saya, penerangan yang paling mudah adalah tidak ada Tuhan. Tiada sesiapa pun yang telah mencipta alam semesta dan tiada seorang pun yang menentukan takdir kita. Hal ini menunjukkan saya kepada mendalami hakikat bahawa tiada syurga dan kehidupan selepas kematian. Saya fikir kepercayaan terhadap kehidupan akhirat adalah angan-angan sahaja. Tiada bukti yang boleh dipercayai untuknya, dan perkara ini tertolak dengan apa sahaja bukti yang kita tahu dalam sains. Saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu” (Stephen Hawking, 2018).

Pernyataan Hawking ini jelas menunjukkan bahawa Hawking meniadakan kewujudan tuhan sebagai pencipta alam semesta. Baginya, seseorang itu bebas sama ada hendak mempercayai kewujudan Tuhan ataupun tidak. Namun begitu, bagi Hawking, beliau berpendapat bahawa tuhan itu tidak wujud serta tidak menetapkan takdir seseorang. Beliau juga tidak mempercayai konsep kehidupan selepas mati, yang termasuk dalamnya konsep kebangkitan semula dan pembalasan amalan kehidupan seseorang di syurga atau neraka.

Hawking juga pernah menyatakan dalam bukunya *A Brief History of Time* (1989) pada perenggan terakhir muka surat 77: “*God might have created such a warped universe but we have no reason to believe he did*”. Maksudnya: “Tuhan mungkin telah menciptakan alam semesta yang melengkung seperti itu tetapi kita tidak mempunyai alasan untuk mempercayainya”. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa Hawking tidak mempercayai konsep kewujudan Tuhan sebagai pencipta alam ini, walaupun berkemungkinan bahawa adanya Tuhan yang Maha Esa yang mencipta, mentadbir dan mengawal alam ini sepenuhnya.

Pandangan Berkaitan Konsep Agama oleh Hawking dalam *Brief Answers to the Big Questions*

Terdapat dua pandangan utama Hawking berkenaan konsep agama seperti yang beliau nyatakan dalam bab satu ini. Kedua-dua pandangannya ini merupakan tanggapan negatif terhadap fungsi, nilai dan epistemologi agama. Poin utama bagi pandangan Hawking mengenai agama ini adalah seperti berikut:

1. Agama adalah Lawan kepada Sains

Buktinya, pada muka surat 25, Hawking menyebut bahawa: “*Nowadays, science provides better and more consistent answers, but people will always cling to religion, because it gives comfort, and they do not trust or understand science*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “Hari ini, sains menjawab secara lebih baik dan konsisten, tetapi orang akan tetap beragama, kerana agama memberikan keselesaan, dan orang beragama tidak mempercayai atau memahami sains.”

Menurut pandangan Hawking di atas, agama dipercayai oleh manusia disebabkan oleh sikap manusia yang menginginkan keselesaan, berbanding sains yang lebih susah yang memerlukan pemerhatian dan eksperimen. Agama dalam konsep yang diutarakan Hawking ini telah menjadi lawan bagi sains. Ketidakpercayaan dan ketidakfahaman kepada sains boleh menatijahkan seseorang itu menjadi penganut atau pengikut sesebuah agama. Dalam sifir mudahnya, ibarat agama adalah seteru kepada sains, dan sains adalah lawan kepada agama.

2. Ilmu Sains Lebih Tinggi daripada Agama

Dalam muka surat 28: “*The one remaining area that religion can now lay claim to is the origin of the universe, but even here science is making progress and should soon provide a definitive answer to how the universe began*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “Satu-satunya bidang yang masih boleh dituntut oleh agama adalah mengenai asal usul alam semesta. Tetapi, sains juga sedang membuat kemajuan dalam perkara ini dan akan segera menyatakan jawapan yang pasti mengenai bagaimana permulaan alam semesta ini”.

Penerangan tersebut menunjukkan bahawa Hawking berpendapat bahawa asal-usul alam semesta pada mulanya dikaitkan dengan agama. Namun, sains telah mencapai kemajuan yang pesat dari semasa ke semasa. Sains juga akan segera memberikan jawapan yang lengkap mengenai permulaan alam semesta, yang akan melampaui jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelbagai agama.

Hawking juga menyatakan dalam bukunya *A Brief History of Time*: pada muka surat 8, perenggan pertama: “*Second, there is the question of the initial state of the universe. Some people feel that science should be concerned with only the first part; they regard the question of the initial situation as a matter for metaphysics or religion. They would say that God, being omnipotent, could have started the universe off any way he wanted. That may be so, but in that case he also could have made it develop in a completely arbitrary way. Yet it appears that he chose to make it evolve in a very regular way according to certain laws. It therefore seems equally reasonable to suppose that there are also laws governing the initial state*” (Hawking, 1989). Maksudnya: “Kedua, terdapat persoalan mengenai keadaan awal alam semesta. Sebilangan orang berpendapat bahawa sains hanya perlu mementingkan bahagian yang pertama; mereka menganggap persoalan situasi permulaan sebagai masalah metafizik atau agama. Mereka akan mengatakan bahawa Tuhan, yang Maha Berkuasa, telah memulakan alam semesta dengan cara yang Dia mahukan. Mungkin begitu, tetapi dalam hal itu Dia juga dapat membuatnya berkembang dengan cara yang sepenuhnya sewenang-wenang. Namun nampaknya Tuhan memilih untuk membuatnya berkembang dengan cara yang sangat teratur sesuai dengan undang-undang tertentu. Oleh itu, adalah wajar untuk menganggap bahawa ada juga undang-undang yang mengatur keadaan awal”.

Bukti ini menunjukkan bahawa Hawking menekankan bahawa hukum alam berfungsi bagi mengembangkan alam ini sesuai mengikut keadaan alaminya, bukan semata-mata bersandarkan kepada penciptaan dan kekuasaan Tuhan. Walaupun begitu, manusia yang beragama mempercayai bahawa kejadian awal penciptaan alam semesta terkait rapat dengan agama kerana adanya Tuhan yang Maha Berkuasa sebagai pencipta alam.

Perbincangan: Analisis Pandangan Stephen Hawking Berkenaan Konsep Tuhan dan Agama dalam Perspektif Islam

Islam merupakan agama yang mementingkan bukti dan hujah dalam ajarannya. Bahkan, wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah perintah untuk membaca dengan nama Tuhan yang Maha Mulia (Surah al-Alaq 96: ayat 1-5). Allah SWT juga

memerintahkan umat Islam agar berdakwah dengan ilmu dan penghujahan, bukan melalui paksaan atau angan-angan seperti yang dituduh oleh sesetengah ateis terhadap penganut agama. Allah SWT berfirman, maksudnya: katakanlah (wahai Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain” (Surah Yusuf 12: ayat 108).

Setelah penelitian dibuat terhadap pandangan Hawking berkaitan konsep Tuhan dan agama dalam bab pertama bukunya *Brief Answers to the Big Question*, di sini dapat disimpulkan bahawa Hawking mempunyai pandangan yang negatif dan ekstrem terhadap kedudukan dan peranan agama dalam kehidupan manusia. Hawking menganggap agama sebagai sesuatu yang berlawanan dengan sains. Konsep tuhan yang diyakini oleh manusia pula merupakan sesuatu yang samar-samar dan tidak berdasarkan pandangan saintifik Hawking. Hal ini berkemungkinan bahawa Hawking merujuk konsep tuhan dan agama dalam karyanya ini adalah berdasarkan konsep ketuhanan dan agama dalam ajaran Kristian, yang mana melalui pengalaman hidup dan persekitaran Hawking. Malah, beliau juga tidak menyatakan perkara ini secara jelas.

Oleh itu, artikel ini menganalisis kesemua hujah yang dikemukakan oleh Hawking sebelum ini dan menganalisis pandangannya dari sudut pandang Islam. Berdasarkan pengamatan terhadap lima pandangan Hawking berkaitan tuhan dan dua pandangan Hawking berkaitan agama, berikut merupakan hasil analisisnya:

Berdasarkan pandangan pertama hingga pandangan ketiga, Hawking menyatakan bahawa Tuhan tidak mempunyai peranan atau kuasa dalam penciptaan alam semesta. Namun, dalam pandangan Islam, seluruh alam semesta ini adalah hasil ciptaan dan berada di bawah kawalan Allah SWT yang Maha Berkuasa dan Maha Agung. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 117 yang bermaksud: “Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau! Lalu jadilah ia”.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT yang mencipta alam dan berperanan untuk mencipta setiap perkara yang dikehendakiNya. Kekuasaan Allah tiada sempadan dan segala kekuasaanNya tidak dapat ditandingi oleh sesuatu makhluk di alam ini. Menurut Hawking, setelah saintis-saintis berjaya menghuraikan pelbagai hukum alam, Tuhan tidak lagi memiliki peranan dalam alam semesta, terutama dalam pengawalan kejadian alam. Hawking percaya bahawa undang-undang dan hukum alam yang dibuktikan secara saintifik membuktikan ketiadaan Tuhan kerana tidak menunjukkan kekuasaan tuhan.

Menurut konteks Akidah Islam, umat Islam diajarkan bahawa Allah Taala memiliki sifat harus untuk melakukan sesuatu menurut kehendakNya. Justeru, kekaguman Hawking terhadap hukum alam ini tidak sepatutnya mengaburkan pertimbangannya dalam menyatakan kewujudan tuhan, kerana Hawking sudah pun meyakini bahawa alam semesta ini memiliki permulaan.

Hal ini juga pernah dinyatakan oleh al-Ghazali (450-505H) dalam karyanya *al-Munqidh Min al-Dalāl* (penyelamat dari kesesatan) berkaitan kekeliruan golongan ahli pengkaji alam (*al-Ṭabīʿiyyūn*) yang sangat takjub dengan hukum-hukum alam semula jadi, kehebatan fungsi tubuh badan manusia menerusi ilmu anatomi, sehingga melupakan adanya Pencipta segala keindahan alam semula jadi ini dan kecanggihan sistem tubuh badan manusia (al-Ghazali, 2000).

Kemudian, dalam pendapat keempat Hawking berkaitan tuhan, beliau berpendapat bahawa Tuhan tidak wujud kerana masih belum ada masa (*time*) dan ruang (*space*) sebelum berlakunya Letupan Besar seperti dalam teori *Big Bang*. Hal ini mungkin kerana Hawking mengumpamakan Tuhan seperti manusia, seumpama Siddhartha Gautama Buddha dalam agama Buddha, ataupun *Jesus Christ* dalam agama Kristian. Namun hakikatnya, dalam ajaran Islam, Allah SWT tidak sama seperti mana-mana makhluk dan kekuasaan Allah SWT tiada batasan. Allah SWT juga mampu untuk mencipta apa jua yang diinginkan-Nya serta memusnahkannya tanpa perlu mengikut kepada apa-apa atau sesiapa sahaja kerana sifat-Nya yang Maha Berkuasa. Allah SWT juga berkuasa mengawal dan mengubah hukum-hukum alam secara saintifik seperti mengawal kejadian siang dan malam serta mengubah masa. Malah, Allah Taala juga dapat melakukan sesuatu

yang melampaui hukum sains seperti yang berlaku dalam beberapa peristiwa mukjizat, karamah dan irhas. Allah SWT berfirman dalam Surah Ali ‘Imran, ayat 26 dan 27 yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam, Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan sesuatu yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya.”

Tambahan pula, pendapat Hawking yang mengatakan bahawa “saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu”, merupakan pendapat yang sama dipercayai oleh golongan ateis dan musyrikin seperti yang tercatat dalam al-Quran dan Sunah Nabi SAW. Oleh itu, segala persoalan ateistik yang muncul pada hari ini sebenarnya adalah pengulangan kepada persoalan-persoalan yang para Nabi AS dan para ulama muktabar telah jawab dahulu. Misalnya, dalam Surah Yasin 36, ayat 77 dan 78, para ulama tafsir telah mendatangkan kisah Ubay ibn Khalaf yang menjadi sebab turunnya kedua-dua ayat ini. Allah Taala berfirman yang bermaksud: Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati), (77) Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil ia bertanya: “Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?” (78).

Fakhr al-Dīn al-Rāzī (544-606H), Ibn Kathir (701-774H), dan Wahbah al-Zuhayli (1932-2015) berpendapat bahawa penurunan ayat tersebut adalah kerana peristiwa Ubay ibn Khalaf yang datang menemui Nabi SAW dengan membawa tulang yang hancur seperti debu. Tulang itu dihancurkan oleh Ubay dan kemudiannya ditiup debu tulang itu ke udara. Setelah berbuat demikian, Ubay terus bertanya kepada Nabi SAW seperti berikut: Adakah engkau berkeyakinan yang Allah SWT dapat menghidupkan kembali tulang yang telah hancur sebegini? Lantas Nabi SAW menjawab: “Ya, Allah Taala akan mematikan engkau, kemudian menghidupkan engkau kembali, kemudian mengumpulkan engkau ke dalam neraka” (Ibn Kathir, 2000; al-Rāzī, 2001; al-Zuhayli, 1418H).

Dalam pendapat kelima mengenai tuhan dan pendapat kedua berkaitan agama, Hawking meyakini bahawa sains sahaja yang mampu menjawab segala persoalan besar, bukannya agama. Menurut perspektif Islam pula, sains sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan kesemua rahsia alam ini dan memberikan jawapan kepada semua persoalan besar mengenai kehidupan manusia. Hal ini kerana sains yang hanya berpandukan kepada akal dan pancaindera manusia adalah terbatas dan tidak dapat merungkai banyak rahsia dan jawapan kepada misteri-misteri kehidupan. Malah, akal dan pancaindera juga sebenarnya adalah terbatas serta tidak dapat memecahkan banyak persoalan besar berkenaan kehidupan, kematian dan alam ini (al-Ghazali, 2000; al-Attas 2001, 2019).

Pandangan yang mendakwa bahawa hanya ilmu sains sahaja yang dapat memandu kehidupan manusia dan menggantikan kedudukan agama adalah dinamakan naturalisme saintifik (*scientific naturalism*). Pandangan ini berpegang bahawa alam ini hanyalah terdiri daripada zat yang material dan fizikal sahaja. Sumber ilmu bagi penganut falsafah naturalisme saintifik ini hanyalah bersumberkan empirisisme, rasionalisme dan materialisme. Sedangkan ajaran Islam mengajarkan bahawa alam ini turut dihuni oleh makhluk-makhluk ghaib dan terdapat banyak perkara ghaib yang Allah SWT sembunyikan daripada pancaindera manusia.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (lahir 1931) pernah mengkritik golongan ini seperti berikut: “insan pada asal-mulanya bertujuan menggunakan ilmu pengetahuan sains dan teknologi bagi mengetahui, mengawal dan menguasai alam sekeliling demi maslahat dan

kegunaannya. Akan tetapi sifat ilmu sains juga demikian menarik pada nazar harapan bangsa Barat bagi memecahkan rahsia-rahsia Ciptaan Raya, yang menjadi pucuk-bibit renungan falsafah mereka dalam ikhtiarnya bagi menyelesaikan ‘masalah Tuhan,’ sehingga cara-cara dan bawaan ilmu sains jenuh dipuja dan diperkembangkan supaya merangkum dan meliputi bidang-bidang lain dalam keluasan ilmu. Perkembangan ilmu sains di Eropah sejak Abad Pertengahannya telah memberi harapan kepada kebudayaan Barat bahawa ilmu sains itulah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan dan falsafah yang akan dapat membawa keyakinan terhadap yang dicari-carinya itu. Maka dengan demikian mereka telah mengenakan rasionalisme dan empirisisme pada cara berfikir dan menyelidik kepada bidang-bidang ilmu lain seperti ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Kemudian pengaruh ilmu sains dalam pemikiran mereka itu demikian hebat mendalam sehingga ia dijadikannya seolah-olah sebagai suatu nilai hidup atau penilai kehidupan yang utama bagi membimbing mereka ke arah keyakinan terhadap kebenaran demi mencapai kesejahteraan” (al-Attas, 2007).

Dalam perspektif Islam, agama dan sains sepatutnya selari digunakan dalam mentauhidkan Allah SWT dan memakmurkan kehidupan di muka bumi. Ilmu-ilmu yang bersumberkan panduan *Naqli* dan *Aqli* disulam dengan baik agar dapat menatijahkan kebaikan hidup di dunia dan juga di akhirat. Sains seharusnya tidak dijadikan musuh kepada agama, begitu juga agama tidak pula bermusuhan dengan sains seperti dalam pandangan para saintis yang menganut fahaman ateisme, naturalisme, rasionalisme, materialisme dan empirisisme. Allah Taala berfirman dalam Surah Fatir, ayat 28 yang bermaksud: “Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun”.

Menurut Hawking, Tuhan tidak wujud setelah beliau melihat keagungan dan kehebatan penemuan sains pada alam semesta yang mendahului ilmu agama dan kekuasaan tuhan. Menurut perspektif Islam, konsep akidah atau keimanan kepada Tuhan merupakan konsep yang sangat penting. Konsep tersebut meliputi rukun Islam, rukun Iman dan konsep ihsan yang wajib dipercayai dan dipegang oleh setiap Muslim yang bertakwa.

Berdasarkan hadis Rasulullah SAW, daripada Umar r.a., beliau berkata: “Ketika kami duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba datanglah seorang laki-laki yang sangat putih pakaiannya dan sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda perjalanan jauh dan tidak ada seorang pun di antara kami yang mengenalinya. Sehingga dia duduk di hadapan Nabi SAW lalu merapatkan kedua lututnya kepada lutut Baginda, lalu berkata: “Wahai Muhammad, ceritakan kepadaku tentang Islam.” Sabda Rasulullah SAW: “Islam adalah engkau bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah, engkau mendirikan Solat, menunaikan zakat, berpuasa Ramadhan dan menunaikan haji jika mampu.” Kemudian dia berkata: “Anda berkata benar”. Kami hairan, dia yang bertanya, dia pula yang membenarkan.

Kemudian dia bertanya lagi: “Ceritakan kepadaku tentang Iman”. Lalu Baginda bersabda: “Engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya, hari akhirat dan engkau beriman kepada takdir yang baik atau yang buruk.” Kemudian dia berkata: “Anda berkata benar.” Kemudian dia berkata lagi: “Beritahukan kepadaku tentang Ihsan”. Lalu Baginda bersabda: “Ihsan adalah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya maka Dia melihat engkau”.” (Muslim, t.th: 9; al-Bukhari, 1987: 50).

Kesimpulan

Karya *Brief Answers to the Big Questions* oleh Stephen Hawking telah diterbitkan pada tahun 2018 dan membicarakan tentang epistemologi metafizik dan fizik. Terdapat sebelas bab yang terkandung dalam buku ini yang berkisarkan sains, konsep tuhan dan agama, konsep masa hadapan, teori *Black Hole*, *Big Bang* dan teori masa. Dalam karya ini juga, beberapa perkara mengenai konsep tuhan dan agama telah dinyatakan Hawking. Bagi Hawking, Tuhan tidak wujud, tiada sesuatu pun yang menciptakan alam semesta serta menentukan takdir manusia. Tuhan juga tidak mempunyai kuasa untuk melanggar serta mengubah hukum alam. Agama pula merupakan satu ideologi yang dipercayai oleh orang yang tidak memahami ilmu sains dan jahil mengenai ketinggian sains dalam menjelaskan semua fenomena yang berlaku dalam alam semesta. Justeru, bagi beliau, kepercayaan terhadap agama adalah lebih rendah nilainya

daripada ilmu sains. Bukti-bukti lain yang menyokong pendapat Hawking mengenai konsep Tuhan dan agama turut diambil daripada dua bukunya yang terkenal iaitu *A Brief History of Time* (1989) dan *The Theory of Everything: The Origin and Fate of Universe* (2005).

Agama Islam mengajarkan bahawa Allah SWT adalah satu-satunya Tuhan yang mencipta, mentadbir dan melindungi alam ini. Kuasa Allah SWT juga tidak terbatas, tidak melemah dan tidak terikat dengan batasan alam fizikal sahaja seperti yang ditanggapi menerusi pandangan saintifik Hawking. Ilmu sains, dalam sudut pandang alam (*worldview*) Islam melalui Surah Fatir, ayat 28 adalah merupakan salah satu disiplin ilmu yang Allah SWT kurniakan kepada manusia agar mereka mempelajari dan menerokainya bagi memberikan kefahaman yang mendalam berkaitan fenomena kejadian alam ini dan akhirnya membawa manusia mengenali Penciptanya, iaitu Allah SWT.

Buku *Brief Answers to the Big Questions* ini adalah sebuah buku ilmiah yang mengajak pembacanya untuk berfikir mengenai pelbagai persoalan besar berkenaan kehidupan manusia. Namun begitu, kandungan buku ini tidak terkecuali daripada diadun dengan nilai ateistik dan pandangan alam naturalisme saintifik yang dianuti oleh penulisnya. Oleh itu, perkara ini berkemungkinan dapat mengelirukan sesetengah pembaca Muslim yang tidak mempunyai kefahaman dan kekuatan iman yang kukuh mengenai konsep agama dan Tuhan dalam ajaran Islam. Akhir sekali, artikel ini menganjurkan para pembaca, khususnya kaum Muslimin, dapat mengukuhkan pandangan alam mereka dan penghayatan akidah mereka sebelum membaca buku Hawking ini serta buku-buku tulisan para ateis lainnya. Ini bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada terkeliru dengan segala logik dan hujahan saintifik yang menolak agama serta menafikan kewujudan tuhan seperti yang dikemukakan oleh saintis tersohor dunia seperti buku *Brief Answers to The Big Questions* ini.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Latif Samian (1997). *Pengenalan sejarah dan falsafah sains.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Sunawari Long (2006). *Sejarah falsafah*. Penerbit UKM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Penerbit USM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019). *Islām: Faham agama dan asas akhlak*. Ta'dib International.
- Al-Bukhari. (1987). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. (2000). *Penyelamat dari kesesatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. (2001). *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (1418 AH). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-ʿAqīdah wa al-Sharīcaḥ wa al-Manhaj*. Dār al-Fikr al-Mucāṣir.
- Coles, P. (2000). *Stephen Hawking and the mind of God*. Icon Books.
- Hawking, S. (1989). *A brief history of time*. Bantam Books.
- Hawking, S. (2001). *The universe in a nutshell*. Bantam Books.
- Hawking, S. (2013). *My brief history*. Bantam Books.
- Hawking, S. (2018). *Brief answers to the big questions*. Bantam Books.
- Hawking, S. W. (2005). *The theory of everything: The origin and fate of the universe (Special Anniversary Edition)*. Phoenix Books.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Muassasah Qurṭubah.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenny, K. L. (2015). *Great minds of science: Stephen Hawking extraordinary theoretical physicist*. Abdo Publishing.
- Muslim, al-Hajjaj (n.d.). *Sahih Muslim*. Dar Ihya al-Thurath a-Arabi.

Randall Jr., J. H. (1946). Metaphysics: Its function, consequences and criteria. *The Journal of Philosophy*, 43(15), 401-412.

Shaharir Mohamad Zain. (2000). *Pengenalan sejarah dan falsafah sains*. Penerbit UKM.

Stephen Hawking Official Website. *hawking.org.uk*. Diakses pada 1 November 2019.